




Panduan Tataetika Oleon



Bahan kimia asli adalah teras perniagaan kami, yang mencerminkan bukan sahaja dalam produk berasaskan bahan mentah boleh diperbaharui asli kami, malah keserasian yang kami jalinkan dengan pekerja, pelanggan, pembekal dan pihak berkepentingan kami.

Setiap seorang daripada kita membentuk budaya melalui kata-kata dan tindakan kita. Membuat keputusan yang baik dan pilihan beretika dalam kerja kita membina kepercayaan terhadap satu sama lain dan dengan pelanggan serta rakan niaga. Tataetika kami menyatakan komitmen kami yang telah lama diamalkan terhadap pihak berkepentingan kami dan standard tingkah laku yang mesti dipatuhi oleh kita semua di Oleon. Jawatankuasa Eksekutif dan saya komited untuk memastikan bahawa standard ini dipenuhi di seluruh operasi kita.

Saya menggesa anda untuk membiasakan diri dengan Tataetika ini dan menggunakannya sebagai panduan harian anda. Dalam dunia yang semakin kompleks, kita semua mesti kekal berwaspada kerana kata-kata dan tindakan kita mencerminkan tingkah laku yang betul.



Moussa Naciri,
CEO Oleon

Kumpulan AVRIL

Kumpulan AVRIL telah lahir daripada pendekatan kolektif. Ia telah ditubuhkan pada 1983 atas inisiatif peladang supaya dapat membangunkan pengeluaran biji minyak dan tanaman protein Perancis. Dengan menggabungkan semua watak dalam sektor ini dan mengembangkan pasaran untuk pengeluaran mereka, dalam masa lebih kurang 35 tahun AVRIL telah menjadi kumpulan perindustrian dan kewangan utama.

Hari ini operasinya di Perancis dan di negara-negara lain dalam sektor yang dipelbagaikan sebagaimana ia mempunyai hubungan rapat: makanan manusia, pemakanan haiwan dan kepakaran serta tenaga yang boleh diperbaharui dan bahan kimia. Dalam setiap sektor ini, pertumbuhan telah berdasarkan portfolio jenama yang merupakan peneraju di pasarannya, misalnya Diester®, Sanders, Lesieur, Puget, Matines, Bunica, Taous, El Kef, Radia®, Jolee® dan lain-lain.

Kumpulan AVRIL telah menubuhkan Tataetika dan Amalan Baik yang membentangkan standard yang semua pekerja kumpulan AVRIL dikehendaki mendukungnya dalam aktiviti-aktiviti harian mereka dan hubungan dengan orang lain. Pembekal dan rakan kongsi AVRIL juga dikehendaki mematuhi peruntukan Tataetika dan Amalan Baik ini dalam urusan mereka dengan mana-mana syarikat Kumpulan.

Tataetika dan Amalan Baik AVRIL adalah asas Panduan Tataetika Oleon. Standard yang dibentangkan di dalam Tataetika dan Amalan Baik AVRIL terpakai kepada semua pekerja Kumpulan AVRIL.

Tataetika AVRIL boleh ditemui di:

www.groupeavril.com/en/sustainable-development

Avril GROUP

Undang-undang berkenaan


Sebagai sebuah entiti antarabangsa, Oleon mempunyai aktiviti-aktiviti perniagaan di banyak negara serata dunia dan dengan itu hendaklah mematuhi undang-undang yang diguna pakai di kawasan-kawasan yang berbeza ini. Oleon dan pekerjaannya hendaklah mematuhi peraturan setiap kawasan di mana syarikatnya menjalankan aktiviti-aktivitinya.

Pengurusan Am Oleon hendaklah mengambil segala tindakan yang perlu bagi mencegah Oleon dan pekerjaannya daripada mengambil tindakan secara sengaja atau tidak sengaja yang, atau nampak, melanggar undang-undang, undang-undang kecil dan peraturan yang berkenaan.

Tanggungjawab untuk memantau pematuhan dengan undang-undang dan peraturan hendaklah jelas ditugaskan kepada individu yang kompeten dan dikenal pasti dengan sewajarnya serta prosedur yang sesuai untuk penyeliaan dan kawalan dalaman hendaklah ditubuhkan.

Ikrar Oleon dan Kumpulan AVRIL

Oleon dan Kumpulan AVRIL telah berikrar untuk melaksanakan aktiviti-aktivitinya yang mematuhi peraturan antarabangsa atau kebangsaan yang berkenaan dan dengan prinsip yang ditetapkan dalam piawaian antarabangsa, secara khusus:



WE SUPPORT



Pada 2017, Kumpulan AVRIL telah menandatangani Global Compact Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang merupakan inisiatif paling penting di dunia dalam bidang tanggungjawab sosial korporat dan pembangunan lestari. Sebagai penandatanganan, Kumpulan AVRIL telah berikrar untuk membuat galakan, melalui strateginya dan dalam aktiviti-aktivitinya, sepuluh prinsip Global Compact PBB, berkaitan hak asasi manusia, piawaian buruh, alam sekitar dan antirasuah.

Maklumat lanjut boleh ditemui di: www.unglobalcompact.org



Sebagai tambahan, Oleon dan Kumpulan AVRIL telah membangunkan dasar-dasar khusus tentang [minyak sawit](#), [biodiversiti](#) (kepelbagaiaan biologi), [perhambaan moden](#) dan teknologi maklumat (IT). Oleon dan Kumpulan AVRIL juga telah bersama-sama menubuhkan [Tatakelakuan Pembekal](#) bagi menyampaikan nilai kami kepada rakan pembekal kami.


Nilai Kami

Untuk menandakan kelahirannya, AVRIL memilih tiga nilai: **HORMAT**, **KEBERANIAN** dan **PRESTASI**. Hari ini, nilai-nilai ini membentuk asas perniagaan kami.



HORMAT

Hormat adalah teras identiti kami. Ia bermaksud mempunyai harga diri untuk rakan sekerja, rakan niaga, pelanggan dan pembekal kami. Hormat secara semula jadi menganjurkan nilai keadilan dan perpaduan.



KEBERANIAN

Keberanian adalah sebahagian daripada kisah kami. Tanpa keberanian, kejayaan kami mustahil untuk dikecapi. Untuk berani melakukan, apa jua jawatan seseorang, adalah berani untuk bersikap terbuka terhadap pendekatan inovatif, dapat membuat jangkaan adalah kunci untuk menjawab cabaran transformasi kami.



PRESTASI

Peningkatan berterusan dan usaha ke arah kecemerlangan adalah ideal yang telah kita ikrar untuk pupuk. Prestasi telah pun penting kepada kehidupan kita. Prestasi adalah ekonomi, korporat, sosial dan masyarakat secara serentak. Matlamat adalah untuk kita semua bekerjasama menjadi sebuah syarikat berorientasikan pelanggan dan berorientasikan hasil dengan menghormati sepenuhnya nilai-nilai kami.

Tanggungjawab kami



Kesihatan dan keselamatan

Komitmen terhadap kesihatan dan keselamatan di tempat kerja adalah tanggungjawab sosial asas bagi Oleon. Oleon mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa. Oleon menubuhkan standard, prosedur, pelan tindakan kecemasan dan sistem pengurusan yang perlu untuk pelaksanaan aktiviti-aktiviti kami.



Buruh paksa dan wajib

Oleon berjanji untuk tidak menggunakan buruh paksa atau wajib seperti yang ditetapkan di dalam Konvensyen ILO.



Buruh kanak-kanak

Oleon berjanji untuk mengguna pakai peruntukan yang berkaitan dengan menghapuskan buruh kanak-kanak dan remaja seperti yang ditetapkan oleh Konvensyen ILO.



Gangguan

Oleon melindungi pekerjaannya daripada semua bentuk gangguan, ugutan dan pemangsaaan, sama ada seksual, fizikal atau psikologi.



Diskriminasi

Oleon berjanji untuk tidak melaksanakan apa-apa perbezaan, pengecualian atau keutamaan yang dibuat berdasarkan keturunan, warna kulit, seks, agama, pandangan politik, pengekstrakan kebangsaan atau asal-usul sosial, seperti yang ditetapkan oleh Konvensyen ILO.



Upah dan waktu kerja

Oleon berjanji untuk mematuhi undang-undang tempatan berkenaan yang berkaitan dengan upah dan berjanji untuk membuat pembayaran upah dan gaji biasa kepada para pekerja. Oleon berjanji untuk membuat pembayaran kerja lebih masa yang mematuhi kadar yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan berkenaan.



Hak asasi manusia

Oleon menyokong dan menghormati perlindungan Hak Asasi Manusia yang diisytiharkan di peringkat antarabangsa. Oleon akan melayan semua individu dengan maruah dan hormat.



Buruh yang tidak diisytiharkan

Oleon berjanji untuk tidak menggunakan buruh yang tidak diisytiharkan dan mematuhi kewajipannya berkaitan pengisytiharan terhadap pentadbiran, sosial dan pihak berkuasa percukaian, seperti yang ditetapkan di dalam peraturan negara-negara di tempat anak syarikat Oleon beroperasi. Lebih-lebih lagi, Oleon memastikan bahawa semua pekerjaannya diberi tempoh rehat yang mencukupi.



Hak berserikat

Oleon berjanji untuk mematuhi prinsip kebebasan berserikat, perlindungan hak kesatuan pekerja dan tawar-menawar kolektif yang dibentangkan di dalam Konvensyen ILO, yang mematuhi undang-undang tempatan. Oleon memastikan bahawa pekerjaannya boleh meluahkan perasaan mereka dengan bebas.



Pengurusan kerjaya

Oleon berusaha untuk menarik, mengekalkan, menginspirasi dan membangunkan pekerja yang kebolehan dan aspirasi mereka sejajar dengan keperluan kami dan matlamat masa depan syarikat.

Tataetika – persekitaran kerja



Kesihatan dan keselamatan

Kumpulan AVRIL telah membangunkan budaya keselamatan yang melibatkan semua pekerja dan pembekalnya: Kumpulan mempunyai matlamat, di semua tapaknya, untuk menurunkan kadar kemalangan secara berterusan ke arah matlamat akhir iaitu sifar kemalangan. Kami menggunakan 4 nilai keselamatan di seluruh pelaksanaan budaya keselamatan kami:

1. SETIAP ORANG DARIPADA KITA bertanggungjawab terhadap keselamatan diri sendiri dan juga keselamatan rakan sekerja dan kontraktor masing-masing.
2. Kita mempunyai hak dan kewajipan untuk MENGHENTIKAN kerja yang tidak selamat dan melakukannya dalam cara yang berbeza.
3. Jika anda memilih bekerja untuk Oleon, anda memilih untuk bekerja mengikut piawaian keselamatan kami.
4. Kami percaya bahawa kita boleh mengelakkan SETIAP kemalangan berkaitan kerja.

Untuk memastikan keselamatan diri sendiri dan keselamatan rakan sekerja kita, pekerja Oleon hendaklah berjanji untuk tidak menjalankan fungsi mereka dengan keupayaan mereka menyusut akibat dadah atau alkohol yang boleh mengganggu pertimbangan baik mereka atau teruk menjejaskan kecekapan dan pelaksanaan tanggungjawab tugas terhadap keselamatan secara menyeluruh.



Gangguan

Oleon melindungi pekerjaannya daripada semua bentuk gangguan, ugutan dan pemaksaan, sama ada seksual, fizikal atau psikologi. Setiap pekerja mempunyai hak terhadap persekitaran kerja positif, harmoni dan profesional dan sebagai balasan, hendaklah bertindak dalam cara yang memelihara persekitaran kerja ini. Oleon mengambil kira senarai tidak menyeluruh berikut sebagai tingkah laku yang tidak boleh diterima:

- gangguan seksual;
- bahasa atau jenaka yang menyinggung perasaan;
- penghinaan kaum, etnik, jantina atau agama;
- komen merendahkan;
- tingkah laku mengugut atau mengancam;
- menunjukkan permusuhan terhadap orang lain kerana ciri-ciri individu.

Tataetika – amalan komersil



Aset Oleon

Aset Oleh hendaklah digunakan untuk tujuan profesional yang sah sahaja. Oleon menjangkakan pekerjaanya untuk menjaga harta syarikat dan melindungi aset syarikat daripada kerugian, kerosakan, penyalahgunaan dan kecurian. Pekerja hendaklah memastikan perlindungan yang wajar dan hormat terhadap harta intelek dan pengetahuan Oleon. Setiap pekerja hendaklah memastikan penggunaan sumber syarikat yang wajar dan mengelakkan segala pembaziran dan penyalahgunaan. Mereka hendaklah menggunakan sumber yang disediakan kepada mereka untuk pelaksanaan tugas mereka, yang mematuhi kepentingan syarikat dan peraturan berkenaan.



Penggunaan e-mel dan internet

Sistem e-mel dan akses internet yang disediakan kepada pekerja adalah semata-mata untuk kegunaan profesional oleh syarikat. Penting untuk diingatkan bahawa keprihatinan yang sama hendaklah diambil dengan e-mel seperti dengan apa-apa bentuk komunikasi bertulis yang lain untuk kegunaan profesional.

Akses internet dan komputer Oleon tidak boleh sekali-kali digunakan untuk melayari, menghantar atau memuat turun kandungan tidak wajar yang tidak berkaitan dengan kriteria profesional.

Sila rujuk dasar IT untuk mendapatkan maklumat lanjut.



Hadiah dan ganjaran

Pekerja yang mewakili Oleon hendaklah mengelakkan daripada menawarkan atau menerima hadiah atau ganjaran sekiranya ia berkemungkinan hadiah dan ganjaran tersebut dicadangkan -

atau boleh dianggap sebagai dicadangkan - untuk memberikan pengaruh yang tidak wajar kepada individu yang menerimanya. Istilah "hadiah" merujuk kepada objek, perkhidmatan, pertolongan, pinjaman, perjalanan, penginapan, atau penggunaan harta tanah dan sebagainya.

Pertukaran hadiah mungkin boleh diterima dalam keadaan tertentu, terutamanya jika pertukaran ini adalah sebahagian daripada adat orang tempatan. Dalam keadaan sedemikian, hadiah yang ditawarkan hendaklah munasabah dan dalam keadaan yang baik, serta nilainya hendaklah berupa simbolik.



Maklumat sulit

Setiap pekerja yang mempunyai akses kepada maklumat sulit, sama ada dalam keupayaan profesional atau secara kebetulan, hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya bagi memelihara kerahsiaan ini. Kewajipan ini terus diguna pakai kepada setiap pekerja selepas mereka berhenti bekerja dengan syarikat.



Perdagangan orang dalam

Pendedahan maklumat sulit adalah dilarang sekiranya ia berlaku sama ada di luar rangka kerja biasa bagi fungsi profesional atau tugas individu dalaman syarikat atau oleh dengan melaksanakan tugas lain dalam nama penerbit. Lebih-lebih lagi, pekerja hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa semua maklumat berguna kepada orang dalam terpelihara keselamatannya. Individu yang mempunyai akses kepada maklumat sulit adalah tidak dibenarkan untuk menghasut atau menasihati pihak ketiga untuk membeli atau menjual sekuriti yang mana maklumat ini terbukti berguna. Peraturan tambahan atau khas dan undang-undang tempatan berkaitan perdagangan orang dalam hendaklah dipatuhi selagi ia dikuatkuasakan.



Konflik kepentingan

Seseorang pekerja itu tidak boleh mengambil kelebihan peribadi atau keuntungan daripada peranan atau fungsi beliau di dalam Oleon dan tidak boleh memiliki kepentingan langsung atau tidak langsung dalam pihak ketiga (pembekal, pelanggan, pesaing dan lain-lain), jika kepentingan tersebut berkecenderungan besar mempengaruhi perlakuan profesional beliau.

Pengurusan Am Oleon menjangkakan setiap pekerja untuk mengelakkan apa-apa keadaan yang mungkin kelihatan membawa kepada konflik kepentingan.



Antirasuah

Pekerja Oleon dilarang daripada membuat atau meluluskan apa-apa pembayaran yang menyalahi undang-undang. Lebih-lebih lagi, adalah menyalahi undang-undang untuk menjanjikan, menjamin atau memberi apa-apa sogokan atau pembayaran yang menyalahi undang-undang lain (atau memberi tanggapan ini) kepada kakitangan kerajaan atau individu persendirian atau entiti persendirian.

Tanggapan mengenai "rasuah" meliputi apa sahaja tentang nilai yang ditawarkan, dijanjikan, dibuat atau diberikan dengan matlamat mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau untuk apa-apa keuntungan komersil haram yang lain. Ini termasuk tunai atau apa sahaja yang boleh ditukarkan kepada tunai, hadiah, perjalanan, hiburan, perkhidmatan atau pinjaman.



Penyertaan dalam syarikat atau organisasi luar kepada Oleon

Jika pekerja Oleon, dalam keupayaan peribadi mereka, mengambil bahagian dalam atau melaksanakan apa-apa fungsi dalam persatuan, syarikat atau mana-mana entiti lain di luar Oleon atau melaksanakan mandat yang dipilih dalam organisasi terbabit, mereka hendaklah memastikan bahawa penyertaan atau pelaksanaan ini:

- tidak menggambarkan sebarang permintaan untuk sokongan kewangan daripada Oleon;
- tidak mengganggu aktiviti mereka di Oleon, kecuali dalam keadaan aktiviti kesatuan sekerja yang mematuhi undang-undang yang sedang dikuatkuasakan.

Mana-mana pekerja yang memegang jawatan pengurusan atau pengarah dalam entiti luar kepada Oleon tidak boleh:

- mempersembahkan diri mereka atau bertindak sebagai wakil Oleon;
- menggunakan dana, aset atau kredit Oleon;
- mengkehendaki Oleon membayar kos atau perbelanjaan yang ditanggung dalam keupayaan ini.

Pekerja Oleon, sebagai sebahagian daripada fungsi mereka dan atas permintaan syarikat, mungkin membawa kepada menyertai atau mengambil bahagian dalam kerja syarikat, organisasi atau persatuan bersifat profesional atau memegang jawatan pentadbiran atau pengurusan dalam entiti terbabit bagi pihak syarikat. Jawatan pentadbiran atau pengurusan yang pekerja boleh membawa kepada memegang atas permintaan Oleon dalam sesebuah syarikat atau entiti, dianggap menjadi sebahagian daripada tanggungjawab biasa pekerja dan tidak tertakluk kepada apa-apa imbuhan tambahan. Oleh itu, jika syarikat atau entiti terbabit membuat pembayaran kepada pekerja apa-apa jumlah wang bagi jawatan terbabit, bayaran tersebut hendaklah diserahkan kepada Oleon.

Tataetika – Hubungan dengan pihak ketiga



Pelanggan

Oleon komited untuk memenuhi keperluan para pelanggannya dan menyediakan produk dan perkhidmatan kualiti tertinggi. Pekerja, dalam hubungan mereka dengan pelanggan, hendaklah berkelakuan yang mematuhi peraturan etika. Maklumat sulit, peribadi atau sensitif berkaitan pelanggan adalah dilindungi dengan mematuhi piawaian syarikat berkenaan dan akses kepada maklumat ini hendaklah terhad kepada individu yang perlu untuk mengetahuinya.



Pembekal, rakan niaga dan pihak ketiga lain

Oleon mengendalikan kriteria pemilihan pembekal berikut:

Bebas

Pemilihan pembekal hendaklah berobjektif dan bebas daripada sebarang pertimbangan yang tidak berkaitan secara langsung dengan aktiviti-aktiviti syarikat.

Ketelusan

Pemilihan pembekal hendaklah wajar dan beretika, berobjektif dan kriteria berterusan selaras dengan aktiviti syarikat. Kriteria yang digunakan hendaklah mudah disahkan.

Prestasi

Kriteria hendaklah memberikan keutamaan kepada pembekal yang dapat membekalkan produk dan perkhidmatan terbaik pada kos terendah. Keupayaan ini dinilai pada asas faktor-faktor seperti kualiti, masa tunggu penghantaran dan daya saing produk dan perkhidmatan yang dicadangkan, di samping mengambil kira kebolehpercayaan, kestabilan dan reputasi pembekal. Syarikat-syarikat Kumpulan AVRIL yang boleh membekalkan produk dan perkhidmatan yang dikehendaki hendaklah sentiasa dihubungi dan jika mereka boleh mencadangkan syarat-syarat yang setara, mereka hendaklah diberikan keutamaan.



Kesahan

Oleon berjanji untuk tidak menjalankan perniagaan dengan pembekal yang terlibat dalam amalan yang tidak betul, bertentangan dengan etika Oleon atau menyalahi undang-undang.

Di samping itu, Oleon dan Kumpulan AVRIL telah menubuhkan Tatakelakuan Pembekal, dengan hasrat untuk menggalakkan, melalui hubungannya dengan pembekal, penyedia perkhidmatan dan subkontraktor, pemakaian dan pelaksanaan ikrarnya yang menyokong kepada pembangunan mampan dan penggalakan nilai-nilai yang berkaitan dengan etika korporat dan sosialnya.

Persaingan

Oleon bertindak dengan keadilan dalam urusannya dengan pelbagai pembekal dan mendukung prinsip persaingan adil, tanpa diskriminasi atau penipuan. Oleon memasarkan produknya dan mempromosi perkhidmatannya dengan jujur, tanpa sekali-kali bertindak menyalahi undang-undang atau melanggar undang-undang berkenaan dalam percubaan untuk mendapatkan kontrak. Oleon hanya menggunakan sumber yang sah untuk mengumpul maklumat berkaitan pesaingnya. Oleon berjanji untuk berusaha sedaya upaya mematuhi undang-undang persaingan yang diguna pakai di negara-negara di mana ia menjalankan aktiviti-aktivitinya. Sebagai peraturan umum, undang-undang ini melarang perjanjian atau gerakan yang boleh menyekat atau mengganggu persaingan atau perdagangan. Secara khusus, perkara berikut adalah dilarang:

- penetapan harga;
- prosedur memanipulasikan tawaran;
- perkongsian pasaran, kawasan atau pelanggan antara pesaing;
- memboikot atau layanan tidak sama rata terhadap pelanggan atau pembekal tertentu tanpa justifikasi undang-undang.

Pertukaran atau pendedahan maklumat komersil sensitif berkaitan pesaing, pelanggan atau pembekal juga boleh melanggar undang-undang persaingan yang berkenaan. Semua pekerja hendaklah pada setiap masa memastikan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan ini.

Pengurusan Tataetika



Mengenal tindakan tidak beretika

Jika terdapat sebarang keraguan berkaitan sesuatu keputusan yang mempunyai implikasi etika dalam persekitaran kerja, anda perlu menyoal diri anda sendiri soalan berikut:

- Adakah tindakan ini sah?
- Adakah tindakan ini adil dan jujur?
- Adakah tindakan ini telah dilaksanakan dalam cara yang telus?



Melaporkan pelanggaran?

Setiap pekerja Oleon yang mempunyai pengetahuan tentang pelanggaran Tataetika berkemungkinan atau pelanggaran undang-undang oleh salah seorang pekerja mempunyai kewajipan untuk melaporkan pelanggaran ini. Walaupun ianya biasa untuk teragak-agak sebelum mengambil tindakan ini, akan tetapi pekerja sangatlah digalakkan untuk berbuat sedemikian, kerana kekal berdiam diri walaupun mengetahui tentang jenis pelanggaran ini boleh mendatangkan akibat yang serius terhadap Oleon. Orang luar dan kakitangan yang hadir sekali-sekala juga boleh melaporkan sebarang insiden serius yang dalam pengetahuan mereka. Apabila melaporkan pelanggaran Kod, pekerja mesti mematuhi prosedur pemberian maklumat yang berlaku di mana pekerja berada.



Kerahsiaan dan ketanpanamaan

Setiap permohonan akan diproses dengan segera dan dengan budi bicara. Mana-mana individu yang melaporkan pelanggaran Tataetika berkemungkinan mempunyai hak untuk dirahsiakan namanya. Kerahsiaan dan/atau ketanpanamaan akan dihormati. Oleon akan melakukan apa sahaja dengan kuasanya untuk memastikan individu yang melaporkan pelanggaran dimaklumkan sepenuhnya tentang langkah-langkah yang diambil bagi menyelesaikan keadaan.

Tiada pekerja akan didenda, dipecat, diturunkan pangkat, digantung atau tertakluk kepada diskriminasi kerana melaporkan pelanggaran Tataetika yang berkemungkinan, memperoleh maklumat ke atas subjek atau meminta nasihat tentang cara mengendalikan pengendalian yang diandaikan.



Tindakan tatatertib

Sebarang pelanggaran Tataetika yang tersurat dan tersirat boleh dikenakan tindakan tatatertib yang wajar dengan pelanggaran yang dilakukan. Tindakan tatatertib sedemikian boleh membawa kepada pemecatan. Mana-mana pekerja yang melanggar undang-undang membuatkan diri mereka sendiri dan syarikat bertanggungjawab terhadap hukuman yang terpakai di bawah undang-undang jenayah (secara khusus denda dan hukuman penjara) serta tindakan undang-undang sivil (tuntutan ganti rugi).

